

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID  
[ HULU TERENGGANU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
menyatakan :-

- (a) langkah-langkah Kementerian untuk menangani isu lambakan hartanah kediaman yang tidak terjual khususnya di negeri Terengganu; dan
- (b) bilangan dan senarai hartanah kediaman yang tidak terjual di negeri Terengganu mengikut Parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**JAWAPAN (A)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara sebab berlakunya lambakan rumah mewah tidak terjual adalah kerana ketidakmampuan membeli rumah mengikut harga pasaran, ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan rumah mengikut lokasi serta ketiadaan sistem bersepadu bagi memastikan kesepadanan di antara penawaran dan permintaan.

## SOALAN NO : 101

2. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) sedang membangunkan **Housing Integrated Management System (HIMS)** bertujuan untuk menyediakan sistem lengkap mengenai maklumat penawaran serta keperluan untuk mengurangkan *mismatch* serta memastikan perancangan perumahan yang lebih terancang dan sistematik.

3. Selain itu, antara perancangan dan langkah-langkah yang telah dikenal pasti dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah lambakan unit rumah yang tidak dijual termasuklah di Negeri Terengganu adalah seperti berikut:

- i. melaksanakan pelan pemasaran seperti pemberian diskaun/rebat oleh pemaju swasta/PR1MA/SPNB sekurang-kurangnya 10%;
- ii. mengadakan program pemasaran secara berterusan di seluruh Malaysia mengikut zon/negeri melalui Program *Home Ownership Campaign* (HOC) bagi tahun 2019;
- iii. pemberian insentif kepada bakal pembeli melalui pengecualian duti setem;
- iv. cadangan kepada pemaju untuk membuat kajian pasaran (*market study*) bagi memastikan pembangunan di sesuatu lokasi mengikut permintaan (*demand*);
- v. bagi unit kuota Bumiputera yang tidak terjual, kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk membuat pemantauan bersama dengan pemaju bagi memastikan unit kuota Bumiputera ini dapat dijual; dan

## SOALAN NO : 101

- vi. KPKT sedang menyediakan kaedah pembiayaan alternatif secara sewa milik terutamanya bagi kumpulan B40 dan M40 bagi meningkatkan aksesibiliti kepada pemilikan perumahan yang akan dilancarkan pada tahun 2020.

### **JAWAPAN (B)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data NAPIC bagi Unit Kediaman Siap Dibina Tidak Terjual Sehingga Jun 2019, di negeri Terengganu, bilangan unit rumah siap dibina tidak terjual yang direkodkan adalah sebanyak 419 unit daripada 910 unit yang dilancarkan. 419 unit siap dibina tidak terjual ini adalah merangkumi 395 unit rumah di daerah Kemaman, 18 unit rumah di daerah Marang dan 6 unit rumah di daerah Dungun.

Sekian, terima kasih.